

LANG MALAM
Bat Hawk

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Macheiramphus alcinus*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian bulu yang berwarna coklat kehitaman serta mempunyai jalur-jalur gelap pada bahagian rengkong yang berwarna putih dan pada bahagian tengah atas dada. Individu ini mempunyai jalur pada bahagian mata yang terputus-putus serta warna putih pada bahagian dada. Semasa terbang, individu ini menyerupai spesies Falco Belalang, *Falco peregrinus*, tetapi selain daripada mempunyai bahagian bulu yang berbeza, bahagian sayap adalah lebih panjang dan lebar pada bahagian dasarnya. Bagi individu juvenil pula, bahagian bulu badan berwarna coklat di mana bahagian bawah badan ke bahagian atas ekor berwarna pudar serta bahagian bawah badan yang berwarna putih.

SAIZ

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz kira-kira 46 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini ialah kelawar dan lain-lain spesies mamalia.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan terbuka atau di kawasan berdekatan dengan hutan dipterokap selalunya berhampiran dengan kawasan gua, pada ketinggian sehingga ke 1,220 m dari paras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang kuat *kwik kwik kwik kwik*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Jun-Oktober di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan yang lebar di kawasan pokok yang besar, pada ketinggian di antara 9-60 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1-2 biji berwarna putih di mana terdapat bintik-bintik yang berwarna kelabu yang mempunyai ukuran kira-kira 59.8-46.5 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.